

**Mohd Richard Neles Abdullah**  
mrichardn33@yahoo.com.my

## 1. TAJUK INOVASI

**KIT HB&K (HUBUNGAN BAIK DAN KERJASAMA)** (Pendidikan Moral)  
(Tempat Ketiga Kategori Pensyarah)

## 2. OBJEKTIF

- a. Menghasilkan media pengajaran dan pembelajaran yang berkesan
- b. Mengaplikasikan kemahiran hubungan manusia demi mencapai kestabilan mental dan emosi semasa PdP khususnya dan kehidupan amnya
- c. Memudahkan pemahaman dan aplikasi nilai kerjasama semasa PdP khususnya dan kehidupan amnya

## 3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Saya memulakan tugas sebagai pensyarah mentor (tutor) bagi Kumpulan Pengajian Bahasa Cina iaitu BC2 semenjak mula bertugas di IPG Kampus Batu Lintang pada tahun 2013. Selain itu, saya merupakan pensyarah akademik Kursus Elektif Pendidikan Moral untuk pelajar PISMP. Kumpulan yang saya didik sejak mula mereka mengambil elektif Pendidikan Moral ialah BI SJKC1 dan BI SJKC2. Kini saya mengajar mereka bagi Kursus ELM3033E (Pentaksiran dan Pengurusan Matapelajaran Pendidikan Moral di Sekolah). Kursus ini merupakan kursus yang ketiga daripada empat kursus elektif Pendidikan Moral yang akan melayakkan mereka menjadi guru Pendidikan Moral bertauliah di sekolah nanti. Empat puluh lima jam diperuntukkan bagi kursus tersebut.

Saya sebenarnya telah menawarkan diri untuk mengajar Kursus Pendidikan Moral melalui Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) iaitu Dr. Sharifah Fatimah Wan Jamer. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada beliau kerana memberi peluang dan kepercayaan untuk saya mengajar Kursus Pendidikan Moral dibawah naungan Jabatan JAPIM. Sesungguhnya, mata pelajaran Pendidikan Moral memang dekat dihati saya kerana berpengalaman mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah menengah sebelum ini.

Saya merupakan mantan Mentor Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Satu di SMK Jalan Arang sejak tahun 2011 sebelum bertugas di IPG Kampus Batu Lintang pada tahun 2013. Kajian oleh majalah *Executive Female* dalam Maxwell J. C (2011) menunjukkan 84 peratus majikan mahukan pekerja yang pandai

berinteraksi berbanding hanya 40 peratus majikan yang mahukan pekerja yang mahir dan berpendidikan tinggi.

Jika pekerja yang baik dianggap memerlukan kemahiran hubungan baik dalam berinteraksi dan bekerjasama, apatah lagi guru yang baik. Ini memotivasikan saya untuk merancang, melaksana dan mendokumentasikan inovasi dalam pdp kemahiran asas hubungan baik dan nilai kerjasama nilai moral melalui Kit HB&K (Hubungan Baik dan Kerjasama) yang dibina daripada bekas keropok *pringles*. Pendokumentasian inovasi saya ini merupakan perkongsian ilmu dan pengalaman saya melaksanakannya dalam sesi tutorial untuk mentee saya dalam kalangan pelajar PISMP Kumpulan BC2 Ambilan Januari 2012 dan juga pensyarah akademik Kursus Pendidikan Moral ELM3033 di IPG Kampus Batu Lintang.

Menurut Dra. M.M Nilam Widyarini (2011) dan Carnegie, D. (2010): “Hubungan yang baik dan kerjasama menghasilkan rasa kedamaian dan perasaan positif terhadap diri dan dunia. Tiada orang yang berasa selesa dalam situasi kehidupan yang tidak memiliki hubungan yang baik dengan orang lain, bahkan ia boleh menyumbang kepada depresi (kemurungan).” Bahkan, menurut mantan Presiden Amerika Syarikat iaitu Theodore Roosevelt dalam Maxwell (2011) (26), “rahsia kejayaan paling penting adalah tahu bagaimana mahu mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain.”

Apabila saya memulakan tugas sebagai guru subjek Pendidikan Moral di sekolah menengah Kebangsaan Jalan Arang, dapatan awal oleh Ketua Panitia Pendidikan Moral mengenai kemahiran asas hubungan manusia dan amalan nilai bekerjasama pelajar yang rendah ternyata ada kebenarannya. Daripada pemerhatian saya semasa mengajar Pendidikan Moral bagi sesuatu nilai moral termasuk nilai bekerjasama, kedapatan agak ramai pelajar yang seringkali mengelak daripada berdampingan dengan rakan sekelas dan langsung tidak mahu bekerjasama dalam aktiviti berkumpulan ketika pdp sedang berlangsung. Contohnya, pasti ada sahaja sebilangan pelajar yang kelihatan memencilkan diri dan tidak selesa ketika aktiviti kumpulan dilaksanakan. Hal yang sama turut saya perhatikan dalam kalangan pelajar PISMP yang saya ajar. Saya menyedari perkara ini mempunyai kaitan dengan aspek kemahiran asas hubungan manusia yang menjurus kepada amalan bekerjasama pelajar yang tidak diterapkan dalam pdp. Mengajar melalui ceramah pendek menggunakan kit HB&K yang saya reka adalah salah satu alternatif bagi mengatasi masalah ini.

#### **4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI**

Masalah terbesar yang saya hadapi adalah bagi memupuk kemahiran hubungan baik dan kerjasama yang mantap dalam kalangan mentee saya bagi sesi tutorial dan aktiviti berkumpulan dalam kalangan pelajar PISMP Kursus Elektif Pendidikan Moral. Sekaligus melayakkan mereka untuk

menjadi contoh teladan kepada anak-anak didik mereka di sekolah nanti. Ini khasnya dalam amalan nilai bekerjasama. Melalui pemerhatian, saya menyedari bahawa setiap individu pelajar yang diajar mempunyai kecenderungan sebagai individu introvert (pendiam) mahupun ekstrovert (lincah), namun kemahiran asas hubungan manusia perlu dikuasai oleh mereka sebagai bakal guru.

Berhubung dengan aspek sikap pendiam (introvert) dan extrovert, kajian Fotion (2000) mendapati kedapatan pelajar yang didapati mempunyai sikap merasakan dirinya adalah orang yang paling hebat dan paling benar (solipsisme). Solipsisme atau merasa paling benar seharusnya dielakkan. Pandangan ini boleh menghapuskan kemungkinan komunikasi (Fotion, 2000). Cuba bayangkan, jika anda telah merasa paling benar, mengapa perlunya berkomunikasi untuk bertukar idea dengan orang lain?. Individu seperti ini sekiranya berkomunikasi, hanya akan ingin mengkritik, mengeluh atau mencerca. Orang lain akan dianggap salah jika tidak sependapat dengannya. Oleh itu, solipsisme merupakan tingkah laku yang tidak sepatutnya diikuti jika kita ingin disenangi oleh orang lain. Lawan kepada solipsisme ialah fabilisme. Pemahaman bahawa semua orang adalah lebih baik daripada diri sendiri disebut sebagai falibilisme. Falibilisme membuka ruang untuk perubahan dan dialog kerana membina syarat-syarat pertumbuhan gagasan berterusan (Fotion, 2000; Hopkin, 2008). Berdasarkan kerangka pemikiran falibilisme, saya telah merancang inovasi kit HB&K dan melaksanakan ceramah pendek yang diterapkan dalam sesi tutorial dan kuliah kursus Pendidikan Moral.

Semasa mengajar nilai bekerjasama kepada para pelajar, saya juga mengenal pasti beberapa masalah yang antara lainnya ialah kekaburan dan kekeliruan mereka mengenai aspek amalan dan tingkah laku toleransi. Menurut Saayah Abu (1997), seseorang pelajar akan lebih mudah memahami apa yang dipelajarinya melalui penglibatan aktif secara langsung dengan aplikasi sesuatu nilai. Ini pastinya termasuk nilai bekerjasama yang memang melibatkan amalan bertingkah laku.

## **5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN**

### **5.1 INOVASI PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

Inovasi ini merupakan inovasi Pembelajaran dan Pengajaran menggunakan kaedah ceramah pendek beserta dengan mengaplikasikan setiap prinsip asas hubungan manusia yang telah disediakan menggunakan Kit HB&K. Ianya bersifat santai dan aplikasinya menyeronokkan bagi mereka yang menumpukan perhatian. Menurut Gardner (2009; 2010), Kecerdasan Pelbagai (KP) dialami oleh murid-murid semasa mendengar, melihat dan melakukan sesuatu aksi mengukuhkan kecenderungan kecerdasan individu. Peranan ini boleh dimainkan oleh Kit HB&K.

Dalam ceramah menggunakan Kit HB&K, ianya akan membantu pemahaman pelajar secara santai mengenai asas hubungan manusia yang baik dan amalan bekerjasama sambil mereka memegang (merasa), melihat, dan membaca prinsip-prinsip asas hubungan baik dan kerjasama pada kit. Ini turut menerapkan nilai bekerjasama dalam kumpulan sambil berseronok menyelesaikan tugas (melakonian prinsip asas hubungan baik dan kerjasama) (Azila, 2011).

Dalam perkaitan lebih jelas inovasi pdp ini dengan nilai bekerjasama pula, murid-murid (dalam kes ini ialah pelajar PISMP) akan mengaplikasikan secara tidak langsung nilai bekerjasama ketika melakonian prinsip-prinsip asas hubungan baik semasa aktiviti pengisian sesuatu aktiviti (Mohd Richard Neles, Abdul Razak Ahmad & Fazilah Idris, 2012).

Dalam Panduan Pelaksanaan Program Mentor-Mentee IPG (2011), bagi komponen sikap, aktiviti 'Menggapai Impian,' halaman 85, objektif keduanya ialah bagi 'meningkatkan kerjasama berpasukan dalam menjayakan aktiviti organisasi. Kit HB&K ini boleh memainkan peranan bagi mencapai objektif tersebut.

Berpandukan kepada teori dan model kecerdasan pelbagai (Gardner, 2009; 2010), saya membina inovasi pembelajaran dan pengajaran bagi tujuan menambahbaik pendekatan dalam menyemai aplikasi kemahiran asas hubungan baik sesama manusia dan bekerjasama. Inovasi ini mula dilaksanakan pada bulan November 2014 bersama pelajar PISMP Kumpulan BC2 (mentee saya) dan pelajar PISMP kursus elektif Pendidikan Moral yang berada pada semester kelima. Unsur keseronokan yang diterapkan semasa melakonian setiap prinsip asas kemahiran hubungan manusia yang terdapat pada Kit HB&K memudahkan penerapan nilai bekerjasama difahami serta diaplikasikan.

**Kos** perbelanjaan untuk menyediakan Kit HB&K adalah sangat rendah iaitu RM4.50 bagi sekotak keropok springles bersaiz besar dan RM3.00 bagi sekotak springles bersaiz sederhana. Keseluruhan kos adalah berjumlah RM58.50. Dimana enam kumpulan (pelajar dibahagikan kepada 6 kumpulan) memerlukan 7 set kotak springles (termasuk satu untuk saya sebagai penceramah) (RM52.50), kertas berwarna (RM3.00) dan gam (RM3.00).

## 5.2 DESKRIPSI INOVASI

Kit HB&K merupakan satu kaedah belajar melalui ceramah menggunakan kit untuk 'menarik minat dan perhatian para pelajar dalam mempelajari kemahiran asas hubungan baik sesama manusia dan amalan nilai bekerjasama. Ia dilaksanakan melalui Sesi Tutorial bersama mentee dan kuliah Kursus Pendidikan moral sambil mengaplikasikan amalan tingkah laku bekerjasama berdasarkan sukatan pelajaran Pendidikan Moral dan pelaksanaan program mentor-mentee IPGM (berdasarkan buku Panduan Pelaksanaan Program Mentor-Mentee IPG, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011)).'

Inovasi pdp ini melibatkan dua komponen utama iaitu, (1) ceramah menggunakan kit HB&K dan (2) melakonkan prinsip-prinsip yang terdapat pada kit secara berkumpulan. Selain memberi kemahiran asas hubungan baik sesama manusia, inovasi ini juga mampu menjadi alat bagi meningkatkan tingkah laku dan amalan nilai bekerjasama. Walau bagaimanapun, peranan utamanya adalah bagi mendedahkan pelajar kepada ilmu kemahiran asas hubungan baik sesama manusia yang menjurus kepada nilai bekerjasama.



Rajah 1. Kit HB&K dalam mod simpanan (kiri) dan Kit yang sedang digunakan (kanan)

## 5.3 STRATEGI PENGGUNAAN INOVASI “KIT HB&K”

Kit HB&K digunakan sebagai medium utama dalam penyampaian ceramah mengenai prinsip-prinsip asas hubungan baik antara manusia dan kerjasama. Pelajar yang diajar dibahagikan kepada 6 kumpulan dan mereka dikehendaki duduk dalam kumpulan. Setiap kumpulan diberikan Kit HB&K untuk digunakan bersama-sama. Saya sendiri sebagai penceramah juga memegang 1 Kit HB&K bagi sesi ceramah melalui penerangan dan contoh


amalan kesembilan prinsip yang tercatat pada Kit HB&K. Ceramah menggunakan Kit HB&K ini dibahagikan kepada **Dua** fasa. Fasa pertama adalah penerangan dan contoh amalan prinsip bagi bahagian A iaitu Teknik Asas Menangani Manusia yang terdiri daripada 3 prinsip. Fasa kedua pula merupakan penerangan dan contoh amalan prinsip bahagian B iaitu perkara perlu dilakukan supaya disukai orang yang terdiri daripada 6 prinsip. Melalui kajian literatur, saya telah mengadaptasi prinsip-prinsip asas hubungan baik dan kerjasama daripada dua sumber utama iaitu buku '*How to win friends & influence people*' (Carnegie, D, 2010) dan '*Membangun hubungan antara manusia*' (Dra. M.M Nilam Widtarani (2011)). Prinsip-prinsip asas utama hubungan manusia yang saya kenalpasti telah saya pecahkan kepada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada tiga prinsip dan bahagian B terdiri daripada enam prinsip. Ini menjadikan keseluruhannya terdapat 9 prinsip yang tertera pada Kit HB&K ini.

Prinsip-prinsip tersebut ialah: (1) Elakkan daripada mengkritik, mencerca dan mengeluh, (2) Berikan penghargaan yang jujur, (3) Bangkitkan minat dalam diri orang lain, (4) Bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain, (5) Senyum, (6) Ingat nama setiap individu, (7) Jadi pendengar yang baik, (8) Berbicara mengenai minat orang lain dan (9) Buat orang lain berasa penting dan lakukannya dengan tulus.

Saya menggunakan tempoh selama sejam untuk memberi ceramah menggunakan Kit HB&K. Berikut merupakan fasa-fasa pelaksanaan ceramah menggunakan Kit HB&K;

## FASA 1

Penerangan dan contoh amalan prinsip bahagian A: Teknik Asas Menangani Manusia, iaitu (1) Elakkan daripada mengkritik, mencerca dan mengeluh, (2) Berikan penghargaan yang jujur, dan (3) Bangkitkan minat dalam diri orang lain, menggunakan nota bahagian dalam Kit HB&K.



Rajah 2. Bahagian dalam Kit HB&K yang terdiri daripada nota bahagian A




Seterusnya pelajar dalam kumpulan masing-masing disuruh cuba melakonkan setiap prinsip bersama dengan rakan sekumpulan mereka.



Rajah 3. Saya melaksanakan ceramah menggunakan Kit HB&K dengan: Pelajar PISMP SJKC 1 dan BI SJKC 2 (dua gambar di kiri) dan pelajar KDPM KDC KEMAS (kanan)

## FASA 2

Penerangan dan contoh amalan prinsip bahagian B: Perkara perlu dilakukan supaya disukai orang, iaitu (1) Bersungguh-sungguh menaruh minat pada orang lain, (2) Senyum, (3) Ingat nama setiap individu, (4) Jadi pendengar yang baik, (5) Berbicara mengenai minat orang lain dan (6) Buat orang lain berasa penting dan lakukannya dengan tulus, menggunakan nota bahagian luar Kit HB&K.



Rajah 4. Bahagian luar Kit HB&K yang terdiri daripada nota bahagian B

Seterusnya pelajar dalam kumpulan masing-masing sekali lagi disuruh cuba melakonkan setiap prinsip bersama dengan rakan sekumpulan mereka.



Rajah 5. Perkongsian penggunaan Kit HB&K selepas sesi ceramah penggunaannya bersama pelajar KDPM-KDC (KEMAS)

#### 5.4 KEADAAN SELEPAS INOVASI

Semasa mengajar di SMK Jalan Arang, Kuching pada tahun 2012, saya dapati bahawa pelajar yang diajar menggunakan ciri-ciri inovasi ini lebih bersemangat untuk mengikuti kelas Pendidikan Moral (ketika di sekolah, saya hanya menggunakan lembaran nota ringkas prinsip-prinsip asas hubungan baik sesama manusia. Kit HB&K merupakan inovasi yang dikembangkan daripada nota ringkas tersebut). Ada dalam kalangan mereka yang memberi respon yang amat positif iaitu mempunyai hubungan yang semakin baik dengan rakan-rakan dan keluarga mereka. Mereka juga lebih mudah memahami dan menunjuk amalan bertingkah laku bekerjasama yang semakin baik.

Saya telah melaksanakan inovasi sehingga pertengahan bulan April 2014 bagi kelas PISMP yang mengambil Elektif Pendidikan Moral (Kursus ELM3033E). Pada tempoh tersebut, para pelajar kursus elektif Pendidikan Moral telah menunjukkan perubahan dari segi kemahiran hubungan manusia dan bekerjasama dalam kumpulan ketika pdp dilaksanakan. Ini jelas kelihatan melalui refleksi yang ditulis oleh mereka didalam kerja kursus yang memerlukan mereka turut merefleksikan mengenai kekuatan dan kelemahan serta pengetahuan baharu yang diperolehi melalui ceramah menggunakan kit HB&K yang saya laksanakan. Contohnya, seorang pelajar mengatakan bahawa, dia merasa sangat seronok selepas mengikuti ceramah menggunakan Kit HB&K dan mula memahami prinsip-prinsip asas hubungan manusia yang menjurus kepada hubungan yang baik dan positif. Bahkan ramai dalam kalangan mereka yang memberitahu saya bahawa hubungan mereka dengan ahli keluarga juga bertambah baik dan intim selepas mengaplikasikan ilmu berdasarkan Kit HB&K. Salah seorang pelajar turut mengatakan "saya akan menggunakan kaedah mengajar menggunakan kit jika mengajar Pendidikan Moral di sekolah. Saya dan rakan-rakan seronok belajar menggunakan kit, apatah lagi jika kanak-kanak di sekolah. Ini pengetahuan baru bagi saya yang akan saya ambil kira



penerapannya apabila mengajar kelak.” Seorang pelajar perempuan pula mengatakan, “belajar melalui kit HB&K memang menyeronokkan. Penggunaan Kit HB&K memudahkan pemahaman saya. Pasti akan saya terapkan semasa praktikum nanti kerana ianya menyeronokkan.”

Berikut merupakan respon daripada beberapa orang pelajar dari Kumpulan PISMP elektif Pendidikan Moral bagi soalan jenis terbuka, iaitu sebahagian daripada Soal Selidik Instrumen Pelaksanaan Ceramah Kit HB&K dengan soalan “Adakah ceramah menggunakan Kit HB&K memberi apa-apa kesan kepada diri anda sebagai seorang individu? (Nyatakan jika ada”:

- (1) “Ada. Saya menjadi lebih bijak dalam menangani hubungan manusia.”
- (2) “Ya, dapat membantu menarik minat belajar kerana nota ringkas dan jelas.”
- (3) “Membantu dan memberi idea bagi cara-cara untuk membina bahan-bahan BBM saya.”
- (4) “Tidak boleh mementingkan diri sendiri, sentiasa senyum dengan orang lain dan sentiasa mendengar cerita orang lain supaya orang suka pada kita.”
- (5) “Pensyarah ini telah menggunakan Kit HB&K dan memberi idea dan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.”
- (6) “Menambahkan keyakinan saya.”

Bagi pelajar (mentee) Kumpulan BC2 Ambilan Januari 2012 pula, berikut antara respon mereka dalam soalan jenis terbuka bagi soalan “Apakah pandangan anda terhadap pengajaran menggunakan Kit HB&K?”. Antara respon jawapan mereka ialah:

- (1) Yap (nama samaran), “melalui aplikasi Kit HB&K, saya telah mendapat banyak faedah. Pertama ialah kawan saya menjadi lebih banyak, saya selalu senyum terhadap orang lain. Selain itu, ramai kawan-kawan saya suka dengan saya dan kawan memberi keyakinan kepada saya. Saya akan terus mengamalkan prinsip-prinsip HB&K.”
- (2) Daphne (nama samaran), “Dengan mengaplikasikan prinsip ini, saya mampu bergaul dan berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling dengan lebih berkesan. Pergaduhan dan perselisihan faham dapat dikurangkan. Banyak aktiviti kelas dapat dijalankan dengan lebih lancar.”
- (3) Ah Ngui (nama samaran). “Hubungan saya dengan kawan dan ahli keluarga menjadi lebih baik. Emosi dan fikiran saya bertambah baik.”

Rata-rata mereka dalam sesi interaksi mengatakan bahawa mereka akan cuba menerapkan kit HB&K ini di tempat mereka akan mengajar nanti. Bahkan, kedapatan beberapa orang guru pelatih tersebut acapkali mengucapkan terima kasih kepada saya yang menunjukkara kemahiran asas hubungan manusia dan nilai bekerjasama melalui Kit HB&K.



*Rajah 6.* Sesi perkongsian belajar kemahiran hubungan manusia dan kerjasama dan membina Kit HB&K dengan daya kreativiti sendiri oleh pelajar KDC KDPM dengan bimbingan saya

## **6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN**

Melalui pemerhatian saya, kedapatan banyak faedah yang diperolehi daripada inovasi ini. Faedah utama adalah, para pelajar PISMP, dan murid-murid mudah memahami ilmu yang disampaikan, menarik minat mereka dan belajar dalam keadaan yang menyeronokkan. Bahkan, para pelajar PISMP yang saya ajar turut memberitahu mengenai keseronokan mereka ketika mengikuti sesi pengajaran menggunakan Kit HB&K dan melakonan prinsip-prinsip yang tertera pada kit. Pelajar PISMP khasnya juga telah mampu menjalinkan hubungan yang baik dengan rakan-rakan sepengajian, pensyarah, keluarga dan komuniti mereka. Ini terbukti melalui respon mereka pada borang soal selidik (Instrumen Penilaian Pelaksanaan Ceramah Kit HB&K) yang dikutip.

Bahkan, semasa saya melaksanakan inovasi pdp (ciri-ciri awal kepada Kit HB&K) ini di sekolah menengah tempat saya bertugas dahulu, nota ringkas prinsip-prinsip HB&K menggalakkan aplikasi hubungan manusia yang lebih positif dalam kalangan pelajar. Hal ini sekaligus memberi motivasi kepada mereka untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh lagi kerana kestabilan emosi hasil daripada hubungan baik sesama manusia.

Melalui inovasi "Kit HB&K," saya boleh menggunakan kaedah ini untuk menggalakkan hubungan manusia yang lebih baik dan amalan bekerjasama yang lebih mantap dalam melaksanakan pdp Kursus Pendidikan Moral dan Tutorial. Bahkan, Kecerdasan Pelbagai mpelajar, turut dikembangkan

kerana Kit HB&K boleh dipegang (rasa), dilihat dan dibaca. Contohnya, melakonkan secara dalam kumpulan setiap prinsip yang terdapat pada kit HB&K tersebut.

Inovasi ini juga tidak memerlukan kos yang tinggi. Ianya mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Para pelajar, murid-murid dan kanak-kanak boleh belajar menggunakan kit ini pada bila-bila masa dan di mana sahaja, malah mampu mempraktikkan nilai bekerjasama yang tinggi. Inovasi ini juga mampu menjadi alat bagi meningkatkan tingkah laku dan amalan nilai bekerjasama.

Saya berpuas hati kerana akhirnya, pelajar PISMP (Mentee dan pelajar Elektif Pendidikan Moral) telah melaksanakan aktiviti ini. Perlu juga saya nyatakan bahawa para pelajar saya (guru pelatih) banyak membantu dengan mengemukakan cadangan bernas mereka bagi menambahbaik Kit HB&K saya.



Rajah 7. Pelajar KDC-KDPM (KEMAS) Ambilan November 2013 seronok belajar kemahiran asas hubungan baik dan kerjasama antara manusia menggunakan Kit HB&K

## 7. PERKONGSIAN INOVASI

Inovasi ini telah dikongsi dengan pelajar PISMP Kumpulan BC 2, Ambilan Januari 2012 (Mentee saya), Kumpulan BI SJKC 1, BI SJKC 2, BI SK 1, BI SK 2, BI SK 3, BI SK 4, PKMP 1 dan PKMP 2, Ambilan Januari 2013 (Pelajar elektif Pendidikan Moral). Saya juga berkongsi Kit HB&K ini dengan pelajar-pelajar KDPM-KDC (KEMAS) semasa memberi kuliah bagi Kursus Psikologi Pendidikan.

Kitaran awal inovasi ini (menggunakan nota ringkas prinsip-prinsip asas hubungan baik sesama manusia dan kerjasama) juga telah dikongsi dengan para peserta *International Conference on Action Research in Education (iCARE)* pada 23 hingga 24 September 2014 di Hotel Pullman, Kuching semasa menjadi salah seorang pembentang poster dan *IICTLD 2014* pada November 2014 di Hotel Hilton, Kuching. Saya turut bercadang untuk memberi ceramah mengenai kemahiran asas hubungan manusia yang baik

menggunakan Kit HB&K ini pada LDP Perkongsian Ilmu dengan pensyarah-pensyarah, staf bukan akademik IPG Kampus Batu Lintang dan di sekolah-sekolah sekitar Bandaraya Kuching.



Rajah 8. Muka depan buku program iCARE) 2014 dan ICTLD 2014 (atas kiri), abstrak pembentangan kertas kerja kitaran awal inovasi (atas kanan), sijil pembentangan iCARE 2014 (bawah kiri) dan sijil pembentangan ICTLD 2014 (bawah kanan)

## Rujukan

- Azila Alias (2011). Siri Panduan Buku Perkembangan Awal Kanak-kanak: Permainan untuk Kanak-kanak. Selangor Darul Ehsan: Gerak Ilmu.
- Carnegie, D. (2010). *How to win friends & influence people*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Dra. M.M Nilam Widarani (2011). Membangun hubungan antara manusia. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Gardner, H. (2009). Howard Gardner's Theory of Multiple Intelligences. Retrieved from [http://www.niu.edu/facdev/resource/guide/learning/howard\\_gardner\\_theory\\_multiple\\_intelligences.pdf](http://www.niu.edu/facdev/resource/guide/learning/howard_gardner_theory_multiple_intelligences.pdf)
- Gardner, H. (2010). Multiple intelligences. Retrieved from <http://www.howardgardner.com/MI/mi.html>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Panduan pelaksanaan mentor-

mentee Institut Pendidikan Guru. IPGM.

Maxwell, J. C (2011). *The 21 indispensable qualities of a leader*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Mohd Richard Neles, Abdul Razaq Ahmad & Fazilah Idris (2012).

Application of rational choice theory and theory of planned behavior in the multiethnic classroom management towards ethnic tolerance in Malaysia. *Proceeding of 1st International Conference on Current Issues in Education (ICCIE 2012)* Yogyakarta State University, Indonesia 15-16 September 2012, 340-347.